

24 DEC 2000

Mahathir-Melayu

PERPADUAN MELAYU : UMNO KAJI BINCANG DENGAN PAS DAN KEADILAN

ALOR SETAR, 24 Dis (Bernama) -- Umno sedia mengkaji kemungkinan mengadakan perbincangan dengan Pas dan Parti Keadilan Nasional berhubung perpaduan orang Melayu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita tengok dulu untuk duduk berbincang, kalau suasana mengizinkan," kata Perdana Menteri kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini untuk lawatan singkat ke Kedah.

Beliau diminta mengulas cadangan Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Universiti Utara Malaysia, baru-baru ini supaya Umno berbincang dengan Pas dan Parti Keadilan mengenai usaha mengukuhkan orang Melayu.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata parti itu sentiasa mengutamakan perpaduan dan tidak pernah menyuruh anggota-anggotanya mengamalkan perpecahan di kalangan orang Melayu.

Mengenai pertemuan tertutup beliau dengan 35 anggota Majlis Tertinggi Umno di Putrajaya semalam, beliau berkata mereka membincangkan masalah dalaman parti.

"Tiada sebarang keputusan khas dibuat. Ia tiada kena mengena dengan orang lain," katanya.

Ditanya sama ada masalah parti itu begitu teruk, beliau berkata: "Masalah itu serius juga. Saya cakap macam mana nak atasi dan (mengenai) masa depan parti serta untuk meneruskan kerja demi parti. Mereka (anggota MT) beri tindak balas."

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir yang juga Ketua Umno Bahagian Kubang Pasu, berkata jawatan Ketua Penerangan Umno bahagian itu yang dikosongkan oleh Datuk Shuib Endut, akan diisi seberapa segera.

"Kita akan letak orang lain. Kita sedang fikir ketika ini," katanya.

Shuib, 61, mengosongkan jawatan yang disandangnya selama enam tahun itu untuk memberi laluan kepada golongan muda.

-- BERNAMA

MAN MAI